



## KENYATAAN MEDIA

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

### **PENARIKAN SEMULA PERINTAH BERHENTI KERJA (PBK) PROJEK EKVE**

**16 DISEMBER 2017**

---

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menarik semula Perintah Berhenti Kerja (PBK) projek Lebuhraya EKVE pada Jumaat, 8 Disember 2017. Pihak Kementerian telah berpuashati dengan langkah-langkah cadangan dan penambahbaikan sistem kawalan hakisan dan kelodakan di beberapa lokasi tapak projek EKVE yang telah menyebabkan pencemaran kelodakan dan banjir lumpur di kawasan sekitarnya.

Penarikan semula PBK ini walau bagaimanapun, **tidak melibatkan** jajaran di sepanjang Ch 14+800 hingga Ch 15+500 yang mana telah mendapat aduan dari penduduk Kampung Felcra Semungkis, Hulu Langat baru-baru ini. **PBK masih dikekalkan di kawasan tersebut sehingga semua langkah-langkah kawalan yang dicadangkan dilaksanakan sepenuhnya.**

Projek EKVE telah dikenakan Perintah Berhenti Kerja di bawah Seksyen 34AA(1)(b) dan 34AA(2)(c), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia pada 24 Oktober 2017 susulan

daripada aduan dan kegagalan EKVE melaksanakan kawalan hakisan dan kelodakan di tapak projek mengikut garis panduan "Land Disturbing Pollution Prevention and Mitigation (LDP2M2)".

Satu Mesyuarat di antara agensi-agensi teknikal iaitu Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Tanah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan beberapa agensi berkaitan telah mengkaji dan meneliti semua fakta dan hasil kajian lapangan masing-masing secara menyeluruh bagi menganalisa syor-syor dan langkah-langkah kawalan hakisan yang dicadangkan oleh pihak pemaju projek di semua lokasi-lokasi berisiko.

Projek EKVE adalah projek pembinaan lebuhraya sepanjang 24 km yang bermula dari Sg Long Interchange hingga ke Ukay Perdana Interchange dan telah diberi kelulusan EIA Terperinci pada 25 April 2013 di peringkat pembinaan. Projek ini terbahagi kepada tiga (3) pakej yang melibatkan Pakej 1 dari Sg Long Interchange ke Hulu Langat Interchange (14km), Pakej 2 dari Hulu Langat Interchange ke Ukay Perdana Interchange (10km) dan Pakej 3 dari Taman Sierra Ukay ke Persimpangan Kg Pasir, Ampang (3km).

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar akan terus menjalankan pemantauan ke atas projek EKVE Sdn. Bhd. dari semasa ke semasa untuk memastikan semua syarat-syarat Kelulusan EIA berkaitan LDP2M2 yang dikenakan terhadap EKVE Sdn. Bhd. dilaksanakan sepenuhnya dan langkah-langkah kawalan hakisan dan kelodakan dilaksanakan seperti mana perancangan "Best Management Practices (BMPs)" yang dicadangkan oleh pemaju projek.

Maklumat lanjut :-

Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim  
Ketua Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar  
Tel: 03-8871 2046  
E-mail: aki@doe.gov.my

Wan Nur Asilah Binti Wan Mohd Rosdi  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Tel: 03-8886 1666  
E-mail: asilah@nre.gov.my